

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PENILAIAN AKHIR
SESI II: 2022/2023**

SIJIL MULTIMEDIA KREATIF PENGIKLANAN

**SMP 10053
EVOLUSI PENGIKLANAN**

DUA (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.

Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

TUGASAN

[100 markah]

Arahan :

Calon dikehendaki melaksanakan aktiviti seperti di bawah dengan baik sebagai bukti keterampilan :

Soalan

Pelaksanaan pemasaran digital semakin meluas dan menjadi satu trend dalam dunia perniagaan masa kini. Kebarangkalian perniagaan yang tidak mengaplikasikan pemasaran digital tidak berpeluang untuk bertahan lama seperti perniagaan yang lain pada abad ini kerana semakin ramai pengguna kini meneliti dan membeli produk melalui kaedah atas talian. Cara pemasaran kini telah berubah menjadi lebih menarik dan kreatif. Taktik pemasaran digital telah terbukti sebagai kaedah paling efektif untuk menarik perhatian bakal pelanggan alaf baru.

CLO 3
PLO 2

Sehubungan dengan itu, anda sebagai seorang pereka iklan ditugaskan **menghasilkan sebuah video iklan** yang tidak melebihi **durasi 1 minit** bagi produk **makanan segera (fast food)** seperti burger, ayam goreng dan sebagainya yang dijalankan melalui konsep perniagaan secara francais.

Video iklan yang telah dihasilkan perlu dimuat naik ke media sosial yang telah ditetapkan oleh pensyarah. Anda juga bebas menggunakan perisian atau aplikasi penghasilan video yang bersesuaian.

Proses menghasilkan semula video iklan ini perlu berpandukan pada kriteria-kriteria berikut:

1. Membuat kajian berkenaan video pengiklanan produk atau perkhidmatan yang sedia ada.

- i. Menyatakan jenama produk atau perkhidmatan yang digunakan dalam video pengiklanan. (5 markah)
- ii. Menyatakan tagline produk atau perkhidmatan yang digunakan dalam video pengiklanan (5 markah)
- iii. Menyatakan kategori produk atau perkhidmatan yang digunakan dalam video pengiklanan (5 markah)

2. Mengenalpasti konsep iklan

- i. Menyatakan maklumat yang berkaitan dengan konsep dan idea yang telah dipilih. (10 markah)
- ii. Membincangkan konsep video pengiklanan yang merangkumi:
 - a. Pendahuluan
 - b. Isi Kandungan
 - c. Penutup(10 markah)

3. Menghasilkan semula iklan

- i. Menghasilkan iklan menepati konsep (15 markah)
- ii. Menghasilkan iklan menepati idea (15 markah)
- iii. Menghasilkan iklan dengan susunan audio, suara latar dan kesan bunyi bersesuaian dengan jenis iklan (15 markah)
- iv. Menghasilkan iklan mengikut ketepatan masa (10 markah)
- v. Menunjukkan tayangan iklan dalam media sosial (10 markah)

SOALAN TAMAT**Selamat Menjawab**

